



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**KUALITI PERKAHWINAN DAN TINGKAHLAKU KEIBUBAPAAN
DALAM KELUARGA BERISIKO DI LUAR BANDAR**

NORALINA BT. OMAR

FEM 2001 3

**KUALITI PERKAHWINAN DAN TINGKAHLAKU KEIBUBAAPAN
DALAM KELUARGA BERISIKO DI LUAR BANDAR**

Oleh

NORALINA BT. OMAR

**Tesis Yang Dikemukakan Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk
Ijazah Master Sains di Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia**

Mei 2001



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains.

**KUALITI PERKAHWINAN DAN TINGKAHLAKU KEIBUBAPAAN
DALAM KELUARGA BERISIKO DI LUAR BANDAR**

Oleh

NORALINA OMAR

Mei 2001

Pengerusi: Dr. Rumaya Juhari

Fakulti: Ekologi Manusia

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kualiti perkahwinan dan tingkahlaku keibubapaan dalam keluarga yang berisiko di luar bandar. Selain itu, kajian ini menentukan perkaitan di antara ciri sosioekonomi dan faktor latarbelakang perkahwinan dengan kualiti perkahwinan dan tingkahlaku keibubapaan dalam keluarga berisiko. Perkaitan di antara kualiti perkahwinan dengan kualiti tingkahlaku keibubapaan dalam keluarga tersebut telah juga dianalisis dalam kajian ini.

Sampel kajian ini terdiri daripada 420 isteri berbangsa Melayu yang menetap di kawasan luar bandar daerah terpilih di 4 buah negeri (Selangor, Kedah, Kelantan dan Johor). Sampel dipilih secara rawak dan maklumat dikumpulkan menggunakan borang soal selidik, di mana responden telah ditemubual secara bersemuka. Kualiti perkahwinan diukur dengan menggunakan *Kansas Marital Satisfaction Scale* (Schumm, 1986) yang telah diubahsuai (Rumaya, 1997) untuk aspek kepuasan, *Marital Problem Questionnaire* (Douglass & Douglass, 1995) untuk aspek masalah perkahwinan dan *Conflict Tactic Scales* (Straus, 1979) untuk aspek kemahiran



mengendali konflik. Kualiti tingkahlaku keibubapaan pula diukur dengan menggunakan *Parental Questionnaire* (Lempers, Clark-Lempers & Simons, 1989).

Data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan program SPSS (Statistical Package For Social Science). Analisis yang digunakan untuk menguji hipotesis ialah ujian pekali korelasi Pearson. Hasil kajian menunjukkan terdapat perkaitan signifikan di antara kualiti perkahwinan (aspek masalah [$r=-0.10$, $p\leq 0.05$] dan kemahiran mengendali konflik [$r=0.40$, $p\leq 0.01$]) dengan kualiti tingkahlaku keibubapaan dalam keluarga berisiko di luar bandar. Hasil kajian juga menunjukkan terdapat perkaitan signifikan di antara jumlah tahun pendidikan responden ($r=0.12$, $p\leq 0.05$) dengan kemahiran mengendali konflik perkahwinan. Status pekerjaan responden berkait secara signifikan dengan kepuasan perkahwinan ($r=-0.11$, $p\leq 0.05$) dan masalah perkahwinan ($r=-0.11$, $p\leq 0.05$). Perkaitan signifikan juga ditunjukkan di antara umur pasangan ($r=-0.10$, $p\leq 0.05$), jumlah tahun pendidikan responden ($r=0.10$, $p\leq 0.05$), jumlah tahun pendidikan pasangan ($r=0.13$, $p\leq 0.01$), tempoh perkahwinan ($r=-0.15$, $p\leq 0.01$) dan bilangan anak ($r=-0.15$, $p\leq 0.01$) dengan kualiti tingkahlaku keibubapaan ibu (isteri). Analisis regresi berganda menunjukkan status pekerjaan isteri dan jumlah pendapatan keluarga menjadi prediktor ke atas kualiti perkahwinan (aspek kepuasan dan masalah). Prediktor ke atas aspek kemahiran mengendali konflik pula ialah kualiti tingkahlaku keibubapaan ibu (isteri). Prediktor ke atas kualiti tingkahlaku keibubapaan ialah bilangan anak, masalah dan kemahiran mengendali konflik perkahwinan.

Kesimpulannya, tahap kualiti perkahwinan isteri dan tingkahlaku keibubapaan ibu (isteri) adalah rendah dalam keluarga berisiko. Wujud perkaitan yang signifikan di

antara kualiti perkahwinan dengan kualiti tingkahlaku keibubapaan. Hasil kajian ini juga menunjukkan kualiti perkahwinan dipengaruhi oleh ciri sosioekonomi (jumlah tahun pendidikan dan status pekerjaan responden). Selain itu, hasil kajian juga menunjukkan kualiti tingkahlaku keibubapaan dipengaruhi oleh ciri sosioekonomi (umur pasangan, jumlah tahun pendidikan responden dan pasangan) dan faktor latarbelakang perkahwinan (tempoh perkahwinan dan bilangan anak). Status pekerjaan isteri, jumlah pendapatan keluarga dan kualiti tingkahlaku keibubapaan ibu (isteri) menyumbang secara unik ke atas kualiti perkahwinan. Bilangan anak dan kualiti perkahwinan (aspek masalah dan kemahiran mengendali konflik) pula menyumbang secara unik ke atas kualiti tingkahlaku keibubapaan ibu (isteri).

Kajian ini membawa implikasi bahawa wujud perkaitan yang signifikan di antara kualiti perkahwinan dan tingkahlaku keibubapaan dalam keluarga berisiko di luar bandar. Justeru itu program khas perlu diadakan bagi meningkatkan pengetahuan isteri/ibu terhadap kepentingan kefungsi keluarga dan meningkatkan kualiti hidup keluarga.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science.

**MARITAL QUALITY AND QUALITY OF PARENTAL BEHAVIOUR
AMONG AT-RISK FAMILIES IN RURAL AREA**

By

NORALINA OMAR

May 2001

Chairperson : Dr. Rumaya Juhari

Faculty : Human Ecology

The research aims to study the marital quality and quality of parental behaviour among at-risk families in rural area. The study also determined the relationship between marital quality and quality of parental behaviour of these families, as well as the relationships between socioeconomic characteristics and marital background factors and the former variables.

A total of 420 Malay wives were randomly selected from rural areas in 4 states in Peninsular Malaysia (Kedah, Kelantan, Selangor and Johor). Data were gathered by face-to-face interview with the respondents using structured questionnaires.

Marital quality from the aspect of satisfaction was measured using Kansas Marital Satisfaction Scale (Schumm, 1986) (adapted by Rumaya, 1997), marital problem was measured using Marital Problem Questionnaire (Douglass & Douglass, 1995) and Conflict Tactic Scales (Straus, 1979) was used to measure conflict resolution skill of the respondent. Quality of parental behaviour was measured using Parental Questionnaire (Lempers, Clark-Lempers & Simons, 1989). Data collected were

analyzed using Statistical Package for Social Science (SPSS for Windows). The Pearson correlation analysis was used to test the hypotheses.

The findings showed significant relationship between respondents' total years of formal education and conflict resolution skill ($r=0.12$, $p\leq 0.05$). Respondents' job status was also related significantly with marital satisfaction ($r=-0.11$, $p\leq 0.05$) and marital problem ($r=0.15$, $p\leq 0.01$). Moreover, significant relationships were also shown between age of spouse ($r=-0.10$, $p\leq 0.05$), respondents' total years of formal education ($r=0.10$, $p\leq 0.05$) and spouse's total years of formal education ($r=0.13$, $p\leq 0.01$), marital duration ($r=-0.15$, $p\leq 0.01$), number of children ($r=-0.15$, $p\leq 0.01$), and quality of parental behaviour. Multiple regression analysis showed that respondents' job status and total family income predict marital satisfaction and marital problem. Predictor to conflict resolution skill is quality of parental behaviour. Predictor to quality of parental behaviour are number of children, marital problem and conflict resolution skill.

Findings from the study indicate that the level of marital quality and quality of parental behaviour are low among at-risk families. Significant relationship was shown between marital quality and quality of parental behaviour. Research findings also showed that marital quality was influenced by socioeconomic characteristics (respondents' total years of formal education and job status). Moreover, quality of parental behaviour was influenced by socioeconomic characteristics (spouse's age, respondents' and spouse's total years of formal education) and marital background factors (marital duration and number of children). Respondents' job status, total

family income and quality of parental behaviour predict marital quality. Number of children and marital quality predict quality of parental behaviour.

The findings imply that significant relationship was shown between marital quality and quality of parental behaviour among at-risk families in rural area. Socioeconomic characteristics and marital background factors were also influence the marital quality and quality of parental behaviour in these families. Therefore, specific programs are needed in order to improve wives' knowledge towards family functional importance and family quality of life.



PENGHARGAAN

Syukur alhamdulillah, dengan limpahan rahmat dan izin Allah, saya berkeyakinan dan mampu menempuhi segala cabaran dan dugaan, dan akhirnya saya berjaya menghasilkan tesis ini. Setinggi-tinggi penghargaan kepada orang perseorangan yang secara langsung atau tidak langsung yang turut terlibat dalam proses menyiapkan tesis ini.

Penghargaan teristimewa buat Dr. Rumaya Juhari, penyelia merangkap pengerusi jawatankuasa penyeliaan. Bimbingan dan tunjukajar beliau serta kepercayaan yang telah beliau berikan amat disanjung tinggi dan akan dikenang sehigga ke akhir hayat.

Terima kasih yang tidak terhingga buat Prof. Madya Dr. Rozumah Baharudin dan Pn. Rojanah Kahar selaku ahli jawatankuasa penyeliaan yang telah banyak memberi sokongan padu dan teguran membina bagi memamatkan dan meningkatkan lagi keyakinan diri dalam menghasilkan tesis ini.

Setinggi-tinggi penghargaan buat mama dan ayah serta adik-adik; Idah, Kamal, Azmi, Linda, Andana, Adib dan Intan. Kalian begitu memahami diri ini. Sokongan kalian semua menjadi pendorong utama dalam menjayakan tesis ini.

Yang tidak pernah dilupakan, Zarinah Arshat, teman seperjuangan yang sangat memahami dan terlalu banyak membantu, juga Normadinitul Shidah dan Hanina Halimatusaadiah. Jasa baik kalian akan sentiasa dalam ingatan, terima kasih yang tidak terhingga.

Buat putera-puteraku, Irfan Addli dan Haziq 'Izzuddin. Walaupun semasa menghasilkan tesis ini kalian masih belum mengerti erti kehidupan sebenarnya, namun kehadiran kalian tidak pernah menjadi penghalang untuk ibu mencapai kejayaan. Malah, kalianlah cahayamata yang benar-benar memberikan cahaya serta kegembiraan dan keceriaan kepada kehidupan ibu.

Untuk yang teristimewa, suami tercinta, teman sehidup semati yang begitu memahami, terlalu banyak bertolak ansur dan tidak pernah jemu memberi dorongan serta perangsang sehinggalah ke saat akhir bagi meneruskan detik-detik mencabar bagi menghasilkan tesis ini. Tiada kata-kata indah yang mampu menggambarkan ucapan terima kasih dan penghargaan buatmu.

SENARAI KANDUNGAN

mukasurat

ABSTRAK	ii	
ABSTRACT	v	
PENGHARGAAN	viii	
PENGESAHAN	ix	
PENGAKUAN	xi	
SENARAI JADUAL	xiv	
SENARAI RAJAH	xv	
BAB		
1	PENDAHULUAN	
	Pengenalan	1
	Kenyataan Masalah	5
	Kepentingan Kajian	6
	Objektif Kajian	8
	Hipotesis Kajian	10
	Limitasi Kajian	12
	Kerangka Kerja Konsepsual	18
	Definisi Istilah	19
2	ULASAN KARYA TERPILIH	
	Faktor Risiko	22
	Ciri Sosioekonomi Ibu Bapa	25
	Faktor Latarbelakang Perkahwinan	28
	Kualiti Perkahwinan	31
	Kepuasan Perkahwinan	32
	Masalah Perkahwinan	33
	Konflik Perkahwinan	34
	Kemahiran Mengendali Konflik	35
	Kualiti Tingkahlaku Keibubapaan	36
	Perkaitan Antara Kualiti Perkahwinan Dan Tingkahlaku Keibubapaan	40
3	METODOLOGI	
	Lokasi Kajian	45
	Persampelan	45
	Kaedah Pengumpulan Data	46
	Instrumentasi	47
	Kaedah Penganalisan Data	54
4	HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
	Faktor Risiko Keluarga	56
	Maklumat Ciri Sosioekonomi Responden Dan Pasangan	57
	Maklumat Latarbelakang Perkahwinan Responden	60
	Kualiti Perkahwinan	62
	Kepuasan Perkahwinan	62
	Masalah Perkahwinan	64



	Kemahiran Mengendali Konflik Perkahwinan	65
	Kualiti Tingkahlaku Keibubapaan	66
	Perkaitan Antara Pembolehubah Bebas Dan Bersandar	68
	Ciri Sosioekonomi Dengan Kualiti Perkahwinan	69
	Ciri Sosioekonomi Dengan Tingkahlaku Keibubapaan	75
	Faktor Latarbelakang Perkahwinan Dengan Kualiti Perkahwinan	77
	Faktor Latarbelakang Perkahwinan Dengan Kualiti Tingkahlaku Keibubapaan	79
	Kualiti Perkahwinan Dengan Kualiti Tingkahlaku Keibubapaan	81
	Perkaitan Antara Pembolehubah Bebas Dan Bersandar Mengikut Kategori Umur Anak	83
	Prediktor Kualiti Perkahwinan Isteri (Ibu) dalam keluarga berisiko	91
	Prediktor Kualiti Tingkahlaku Keibubapaan Ibu (Isteri) dalam Keluarga Berisiko	91
	Rumusan Hasil Kajian	97
5	RUMUSAN DAN CADANGAN	
	Ringkasan Keputusan Kajian	100
	Rumusan Hasil Kajian Mengikut Kategori Umur Anak Dan Perbandingan Dengan Dapatan Keseluruhan	108
	Implikasi kajian	110
	Cadangan	112
	BIBLIOGRAFI	114
	LAMPIRAN	
	BIODATA PENULIS	



SENARAI JADUAL

mukasurat

Jadual		
1	Nilai kebolehpercayaan instrumen	53
2	Senarai faktor risiko keluarga	56
3	Maklumat ciri sosioekonomi responden dan pasangan	58
4	Maklumat latarbelakang perkahwinan responden	61
5	Penilaian skor kualiti perkahwinan	63
6	Penilaian skor kualiti tingkahlaku keibubapaan	67
7	Perkaitan antara maklumat ciri sosioekonomi, latarbelakang perkahwinan dengan kualiti perkahwinan dan tingkahlaku keibubapaan	70
8	Perkaitan antara kualiti perkahwinan dengan kualiti tingkahlaku keibubapaan	82
9	Perkaitan antara maklumat ciri sosioekonomi, latarbelakang perkahwinan dengan kualiti perkahwinan dan tingkahlaku keibubapaan kategori anak 11 tahun	84
10	Perkaitan antara maklumat ciri sosioekonomi, latarbelakang perkahwinan dengan kualiti perkahwinan dan tingkahlaku keibubapaan kategori anak 14 tahun	87
11	Perkaitan antara maklumat ciri sosioekonomi, latarbelakang perkahwinan dengan kualiti perkahwinan dan tingkahlaku keibubapaan kategori anak 16 tahun	89
12	Model regresi ke atas kualiti perkahwinan isteri (ibu)	92
13	Prediktor kualiti perkahwinan isteri (ibu)	93
14	Model regresi ke atas kualiti tingkahlaku keibubapaan ibu (isteri)	95
15	Prediktor kualiti tingkahlaku keibubapaan ibu (isteri)	96



SENARAI RAJAH

Mukasurat

Rajah

1	Kerangka kerja konseptual kajian	18
---	----------------------------------	----

BAB 1

PENDAHULUAN

Pengenalan

Ekologi sesebuah keluarga berpotensi untuk mempengaruhi keseluruhan kefungsiannya keluarga. Dinamik perkahwinan dan keibubapaan pula adalah dua proses yang berperanan penting dalam pembentukan dan perkembangan sesebuah keluarga. Justeru itu, kualiti perkahwinan dan tingkahlaku keibubapaan boleh digugat oleh ciri ekologi keluarga yang berisiko. Sebagai contoh, ekologi keluarga yang berisiko adalah seperti keadaan hidup yang serba miskin dan taraf pendidikan rendah mampu memberi kesan negatif ke atas kehidupan keluarga (Rak & Patterson, 1996). Berkait dengan kemiskinan, persekitaran rumah yang berkualiti rendah, keadaan rumah yang kurang sempurna dan kekurangan sumber material juga boleh menjejaskan kehidupan ahli keluarga (Miller & Davis, 1997).

Keluarga adalah agen sosialisasi paling asas dalam membentuk individu berakhlak mulia. Sebagai sebuah sistem sosial, keluarga mengandungi 3 buah subsistem iaitu, perkahwinan (suami isteri), ibu bapa – anak dan adik-beradik (Belsky, 1984). Fokus perkahwinan merujuk kepada perhubungan suami isteri sama ada dari aspek hubungan mahupun keibubapaan. Hubungan perkahwinan juga telah diperakui sebagai teras kepada perpaduan

keluarga. Keibubapaan pula penting kerana keibubapaan yang lemah berpotensi untuk menjadi faktor risiko dalam aspek persekitaran keluarga (Gerard & Buehler, 1999). Sebaliknya, keibubapaan yang konstruktif adalah baik untuk perkembangan anak (Simons & Whitbeck, 1990).

Kualiti perkahwinan dan tingkahlaku keibubapaan adalah antara aspek penting dalam keluarga yang dipengaruhi dan mempengaruhi aspek lain dalam kehidupan keluarga. Ramai pengkaji (Contoh: Belsky, Gilstrap & Rovine, 1984; Feldman, Nash & Aschenbrenner, 1983; Simons, Lorenz, Conger & Wu, 1992) telah mendapati wujudnya perkaitan di antara perhubungan perkahwinan dan kualiti keibubapaan. Salah satu dimensi perkahwinan iaitu komunikasi yang berorientasikan anak boleh menggalakkan penglibatan bapa dalam proses keibubapaan (Simons & Whitbeck, 1990). Sebaliknya kualiti perkahwinan yang rendah boleh meningkatkan ketegangan dalam proses keibubapaan (Lavee, Sharlin & Katz, 1996).

Dinamik atau proses yang berlaku dalam sesebuah keluarga penting dalam menentukan perkembangan ahli di dalamnya, terutamanya dalam keluarga yang dikelilingi oleh pelbagai risiko. Dinamik yang berlaku dalam keluarga juga penting dalam menentukan sejauh mana keluarga dapat dipertahankan sebagai sebuah institusi sosial asas yang kukuh dan harmoni. Sebagaimana yang diketahui, keluarga berisiko ini mengalami pelbagai tekanan hidup. Sebagai contoh, ketiadaan kelayakan akademik menjadikan individu sukar

mendapat pekerjaan tetap, ini menyebabkan jumlah pendapatan yang diperolehi adalah sedikit dan tidak mencukupi untuk menampung keperluan keperluan ahlinya. Faktor lain yang membuatkan sesebuah keluarga itu berisiko ialah keadaan serba kekurangan terutama dari aspek material misalnya tinggal di kawasan setinggan kerana keadaan ekonomi tidak kukuh, dan tidak mampu untuk menyekolahkan anak. Kewujudan faktor tersebut memungkinkan berlakunya kepincangan dalam proses yang berlaku dalam keluarga.

Secara umumnya, keluarga miskin mempunyai rumah yang kurang sempurna, amalan pemakanan dan kualiti penjagaan kesihatan yang rendah serta berpendidikan rendah (Power & Maluccio, 1998). Tekanan demi tekanan yang dialami oleh keluarga akibat kemiskinan ini berpotensi untuk memburukkan lagi kehidupan keluarga tersebut. Apa yang dapat digambarkan di sini ialah akibat hidup dalam kemiskinan, sesebuah keluarga itu mungkin tidak mampu hidup dengan sempurna, mengamalkan pemakanan yang kurang berkhasiat dan anak-anak tidak mampu mencapai tahap pendidikan yang baik. Taraf pendidikan yang rendah pula boleh mempengaruhi jenis pekerjaan dan jumlah pendapatan yang diterima oleh ibu bapa dari keluarga miskin. Secara keseluruhannya, kemiskinan boleh mengakibatkan wujudnya lain-lain faktor yang berisiko kepada sesebuah keluarga.

Berdasarkan maklumat yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar (1999) berhubung dengan bilangan ketua isirumah termiskin di Semenanjung Malaysia, terdapat penurunan kadar kemiskinan sebanyak 48.6% pada tahun 1995 berbanding tahun 1993. Namun begitu ramai lagi keluarga yang masih berada dalam status miskin walaupun negara telah berada dalam era ledakan teknologi maklumat. Pada tahun 1995, Kementerian Pembangunan Luar Bandar mencatatkan seramai 36,821 keluarga miskin di Semenanjung Malaysia sahaja. Nilai tersebut bukanlah kecil dan boleh diambil ringan. Seandainya sejumlah hampir 37 ribu keluarga miskin tersebut gagal berfungsi dengan baik kerana terdedah kepada pelbagai faktor risiko lain akibat kemiskinan, apa akan terjadi kepada kefungsiannya keluarga dan apakah kesannya kepada perkembangan anak dalam keluarga tersebut? Kebanyakan keluarga miskin pula mempunyai bilangan anak yang agak ramai. Ini membimbangkan kerana sekiranya anak gagal berkembang dengan baik, dapat dijangkakan kesannya kepada generasi penerus di mana mereka inilah yang bakal menjadi tunggak negara pada masa akan datang.

Terdapat keluarga yang tidak mampu menjalankan kefungsiannya dengan sempurna akibat terdedah kepada pelbagai faktor risiko atau keadaan yang malang walaupun ada yang masih boleh berfungsi dan berkembang dengan baik. Ini kerana faktor sosio-ekologikal yang wujud di persekitaran boleh mempengaruhi perkembangan serta gaya hidup dalam keluarga tersebut.

Oleh yang demikian, satu kajian perlu dijalankan untuk mengenalpasti proses yang berlaku dalam keluarga yang berisiko. Kajian ini adalah subset kepada kajian IRPA yang bertajuk "Ekologi Keluarga Berisiko: Proses Interaksi dan Perkembangan Resiliensi Anak". Oleh kerana perkahwinan dan keibubapaan adalah aspek utama dalam kehidupan keluarga, maka fokus kajian ini adalah kepada tahap kualiti perkahwinan dan tingkahlaku keibubapaan dalam keluarga berisiko di luar bandar. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti perkaitan antara ciri sosioekonomi dan faktor latarbelakang perkahwinan dengan kualiti perkahwinan dan tingkahlaku keibubapaan dalam keluarga yang berisiko di luar bandar.

Kenyataan Masalah

Kajian ini bertujuan untuk meneliti kualiti perkahwinan dan tingkahlaku keibubapaan dalam keluarga berisiko di kawasan luar bandar beberapa buah daerah terpilih di 4 buah negeri iaitu Johor, Selangor, Kedah dan Kelantan. Berikut adalah beberapa persoalan yang cuba dijawab oleh kajian ini:

1. Bagaimanakah kualiti perkahwinan isteri dalam keluarga berisiko?
2. Bagaimanakah kualiti tingkahlaku keibubapaan ibu(isteri) dalam keluarga berisiko?
3. Apakah perkaitan di antara ciri sosioekonomi suami isteri (umur, jumlah tahun pendidikan, status pekerjaan dan pendapatan keluarga) dengan kualiti perkahwinan dalam keluarga berisiko?
4. Apakah perkaitan di antara ciri sosioekonomi suami isteri (umur, jumlah tahun pendidikan, status pekerjaan dan pendapatan keluarga) dengan kualiti tingkahlaku keibubapaan dalam keluarga berisiko?

5. Apakah perkaitan di antara faktor latarbelakang perkahwinan (umur ketika berkahwin, tempoh perkahwinan dan bilangan anak) dengan kualiti perkahwinan dalam keluarga berisiko?
6. Apakah perkaitan di antara faktor latarbelakang perkahwinan (umur ketika berkahwin, tempoh perkahwinan dan bilangan anak) dengan kualiti tingkahlaku keibubapaan dalam keluarga berisiko?
7. Apakah perkaitan di antara kualiti perkahwinan dan kualiti tingkahlaku keibubapaan dalam keluarga berisiko?
8. Apakah perkaitan di antara ciri sosioekonomi suami isteri (umur, jumlah tahun pendidikan, status pekerjaan dan pendapatan keluarga) dengan kualiti perkahwinan dan tingkahlaku keibubapaan dalam keluarga berisiko mengikut kategori umur anak (11, 14 dan 16 tahun)?
9. Apakah perkaitan di antara faktor latarbelakang perkahwinan (umur ketika berkahwin, tempoh perkahwinan dan bilangan anak) dengan kualiti perkahwinan dan tingkahlaku keibubapaan dalam keluarga berisiko mengikut kategori umur anak (11, 14 dan 16 tahun)?
10. Apakah perkaitan di antara kualiti perkahwinan dan kualiti tingkahlaku keibubapaan dalam keluarga berisiko mengikut kategori umur anak (11, 14 dan 16 tahun)?
11. Apakah faktor penyumbang secara unik ke atas kualiti perkahwinan dan tingkahlaku keibubapaan dalam keluarga berisiko?

Kepentingan Kajian

Aktiviti yang dilakukan oleh ahli dalam sesebuah keluarga dipengaruhi oleh sistem ekologi keluarga. Sistem ini penting dalam menentukan perkembangan aktiviti seharian individu dan keluarga. Selaras dengan sistem ekologi seperti yang dijelaskan oleh Bronfenbrenner (1979), mikrosistem merupakan penyusunan persekitaran terdekat yang mengandungi individu

misalnya ahli keluarga, rumah dan jiran terdekat. Kewujudan penyusunan tersebut di persekitaran keluarga berupaya untuk mempengaruhi perkembangan individu dalam keluarga tersebut.

Oleh yang demikian, adalah perlu untuk memahami bagaimana perhubungan antara suami isteri dalam aspek tingkahlaku keibubapaan bagi sesebuah keluarga yang diklasifikasikan sebagai berisiko. Ini kerana perhubungan antara suami isteri yang kurang berkualiti, akan mewujudkan pertenggaran dan konflik (Pawlak & Klein, 1997). Keadaan ini boleh memberi kesan ke atas masalah tingkahlaku dan penghargaan sendiri anak serta menggugat keharmonian keluarga.

Tahap kualiti perkahwinan dan tingkahlaku keibubapaan dalam keluarga yang berisiko akan dapat ditentukan di akhir kajian. Dari kajian ini juga, akan dapat dikenalpasti bagaimana kualiti perkahwinan dan tingkahlaku keibubapaan berinteraksi dalam keluarga berisiko. Hasil kajian ini dijangka boleh digunakan sebagai panduan berguna oleh pendidik dan kaunselor untuk program seperti praperkahwinan, pengukuhan hubungan perkahwinan dan pengukuhan keibubapaan. Akhirnya, dapatan kajian ini boleh memberi implikasi kepada polisi sama ada untuk pengubahsuaian kepada polisi yang ada atau penggubalan polisi baru mengikut kesesuaian keperluan semasa. Dari aspek pengesahan dan pemulihan, ia juga boleh digunakan oleh agensi berkaitan dalam membuat program pencegahan dan pemulihan yang boleh

membantu individu dan keluarga dalam perkembangan kecekapan yang diperlukan untuk cemerlang dalam dunia yang serba mencabar. Dari segi pemindahan teknologi pula, dapatan kajian ini boleh disebarkan kepada kelompok individu yang berkaitan melalui pembentangan seminar, bengkel dan laporan yang diterbitkan untuk dimanfaatkan.

Objektif Kajian

Objektif umum

Kajian ini bertujuan untuk menentukan perkaitan di antara ciri sosio-demografi suami isteri dan faktor latarbelakang perkahwinan dengan kualiti perkahwinan dan tingkahlaku keibubapaan dalam keluarga berisiko di luar bandar daerah terpilih di 4 buah zon di Semenanjung Malaysia (Johor, Selangor, Kedah dan Kelantan).

Objektif Khusus

1. Untuk mengenalpasti kualiti perkahwinan isteri (ibu) dalam keluarga berisiko.
2. Untuk mengenalpasti kualiti tingkahlaku keibubapaan ibu (isteri) dalam keluarga berisiko.
3. Untuk mengenalpasti perkaitan di antara tahap risiko dengan tahap kualiti perkahwinan dalam keluarga berisiko.
4. Untuk mengenalpasti perkaitan di antara tahap risiko dengan tahap kualiti tingkahlaku keibubapaan dalam keluarga berisiko.

5. Untuk menentukan perkaitan di antara ciri sosioekonomi suami isteri (umur, jumlah tahun pendidikan, status pekerjaan dan pendapatan keluarga) dengan kualiti perkahwinan dalam keluarga berisiko.
6. Untuk menentukan perkaitan di antara ciri sosioekonomi suami isteri (umur, jumlah tahun pendidikan, status pekerjaan dan pendapatan keluarga) dengan kualiti tingkahlaku keibubapaan dalam keluarga berisiko.
7. Untuk menentukan perkaitan di antara faktor latarbelakang perkahwinan (umur ketika berkahwin, tempoh perkahwinan dan bilangan anak) dengan kualiti perkahwinan dalam keluarga berisiko.
8. Untuk menentukan perkaitan di antara faktor latarbelakang perkahwinan (umur ketika berkahwin, tempoh perkahwinan dan bilangan anak) dengan kualiti tingkahlaku keibubapaan dalam keluarga berisiko.
9. Untuk menentukan perkaitan di antara kualiti perkahwinan dengan kualiti tingkahlaku keibubapaan dalam keluarga berisiko.
10. Untuk menentukan perkaitan di antara ciri sosioekonomi suami isteri (umur, jumlah tahun pendidikan, status pekerjaan dan pendapatan keluarga) dengan kualiti perkahwinan dan tingkahlaku keibubapaan dalam keluarga berisiko mengikut kategori umur anak (11, 14 dan 16 tahun).
11. Untuk menentukan perkaitan di antara faktor latarbelakang perkahwinan (umur ketika berkahwin, tempoh perkahwinan dan bilangan anak) dengan kualiti perkahwinan dan tingkahlaku keibubapaan dalam keluarga berisiko mengikut kategori umur anak (11, 14 dan 16 tahun).
12. Untuk menentukan perkaitan di antara kualiti perkahwinan dengan kualiti perkahwinan dan tingkahlaku keibubapaan dalam keluarga berisiko mengikut kategori umur anak (11, 14 dan 16 tahun).
13. Untuk menentukan faktor penyumbang secara unik ke atas kualiti perkahwinan dari keluarga berisiko di luar bandar.
14. Untuk menentukan faktor penyumbang secara unik ke atas kualiti tingkahlaku keibubapaan dari keluarga berisiko di luar bandar.